

# KEBERKESANAN PENERAPAN GAYA PEMELAJARAN SISTEM 4MAT DALAM PENGAJARAN DAN PEMELAJARAN KEFAHAMAN MEMBACA

*Fadzilah Abdul Rahman*

## **Abstrak**

Kajian eksperimental ini dijalankan bagi mengkaji keberkesanan Sistem 4MAT berbanding pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pemelajaran kefahaman membaca bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan 60 pelajar sekolah menengah yang dipilih secara rawak berlapis. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Sistem 4MAT lebih berkesan daripada pendekatan tradisional; pelajar yang didedahkan dengan Sistem 4MAT jelas menghasilkan pencapaian min pascaujian yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang didedahkan dengan pendekatan tradisional.

## **Abstract**

*This experimental study was carried out for the purpose of determining the effectiveness of 4MAT System as compared to the traditional method in the teaching and learning comprehension in bahasa Melayu. The study indicates that the 4MAT is more effective than the traditional approach.*

## **PENDAHULUAN**

Pembacaan merupakan wahana penting dalam usaha menimba ilmu terutama pada zaman ledakan ilmu pengetahuan dan maklumat dewasa ini. Francis (1970) menyatakan bahawa membaca menjadikan seseorang itu sempurna. Bagi seseorang pelajar, membaca merupakan kunci ke-

jayaan di sekolah, kunci perkembangan minatnya di luar sekolah, kunci penikmatan masa lapang dan kunci penyesuaian dirinya secara individu (Raminah Sabran dan Rahim Sham, 1987). Dechant (1977) turut menyatakan bahawa kejayaan seseorang dalam pendidikan bergantung pada kejayaannya dalam pembacaan. Mengikut Za'ba (1965), membaca ialah suatu air mata kesukaan yang tidak habis-habis dan senantiasa menambah kepada nikmat hidup kita pada masa senang dan menjadi penghibur pada masa susah.

Dalam sistem persekolahan di Malaysia, pelajar yang diajar dalam sesuatu bilik darjah tidak begitu berbeza dari segi umur. Namun, mereka berbeza dari segi perkembangan kognitif, pertumbuhan kematangan, kebolehan, minat, pengalaman, emosi dan latar belakang persekitaran sosial. Memandangkan perbezaan ini, keperluan untuk mengadakan pengajaran dan pemelajaran yang sesuai bagi setiap murid adalah ketara. Pertimbangan perlu diberi kepada perbezaan yang wujud apabila merancang sesebuah corak pengajaran (Marohaini Yusof, 1989).

Dalam pengajaran dan pemelajaran kefahaman membaca pula, ada kalanya pelajar ingin melihat guru dan rakannya melakukan sesuatu. Kadangkala pelajar perlu berinteraksi antara satu sama lain. Ada kalanya pelajar perlu bersendirian untuk menjalankan sesuatu tugas. Ada masanya pula, kelas perlu dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil.

Jelasnya, pelajar berbeza dari segi cara pemelajaran masing-masing. Ada yang suka belajar berkumpulan, ada yang suka belajar bersendirian. Ada yang memerlukan suasana yang tenang dan senyap dan ada pula yang boleh belajar dalam suasana bising. Ada yang memerlukan bimbingan dan sokongan jitu daripada guru dan ada pula yang lebih berdikari dan mempunyai konsep sendiri yang mantap. Ada yang mudah faham melalui penerangan secara lisan dan ada yang lebih cepat faham melalui pembacaan. Ada yang memerlukan perhatian secara peribadi daripada guru dan ada pula yang tidak. Ada yang suka belajar secara formal dan ada pula yang lebih gemar suasana yang lebih terbuka (Bennet, 1990).

Ahli psikologi mendapati sebab utama pelajar tidak belajar sepenuhnya dalam bilik darjah kerana mereka tidak diberi peluang untuk menerapkan gaya pemelajaran mereka sendiri (Bennet, 1990). Salah satu gaya pemelajaran yang mendapat perhatian, khususnya dari pengkaji Barat ialah Sistem 4MAT, iaitu satu cara mengajar ke arah gaya pemelajaran dengan aktiviti otak kiri dan otak kanan. Jelasnya, cara ini mengutamakan kepelbagaian gaya pemelajaran yang boleh digunakan bagi mengoptimalkan pemelajaran (McCarthy, 1979).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Masalah penguasaan dan kemampuan membaca pada peringkat rendah mahupun menengah sering menjadi sasaran pengkaji bahasa. Hal ini demikian kerana kewujudan pelajar yang kurang berminat membaca buku pengetahuan merupakan satu fenomena yang berterusan dalam masyarakat di Malaysia (Azman Wan Cik, 1986). Hal ini menjadi suatu tamparan hebat kepada guru Bahasa Melayu kerana kesan pemelajaran terhadap pelajar merupakan tanggungjawab guru.

Menurut Koh Boh Boon (1981), kedudukan kefahaman membaca amat penting dalam pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu sehingga petikan kefahaman mengisi ruang utama dalam buku teks. Namun, pengajaran dan pemelajaran masih sukar dilaksanakan dengan berkesan. Persoalan utama ialah bagaimana hendak meningkatkan tahap pemahaman setiap individu? Pernahkah guru memikirkan perbezaan kebolehan kefahaman para pelajar-nya semasa menerapkan sesuatu kaedah? Dengan kata lain, bagaimanakah guru dapat membantu pelajar-nya yang mempunyai kebolehan yang berbeza-beza itu dalam usaha memahami bahan yang dibaca dengan cara yang paling berkesan?

Terdapat penekanan terhadap penggunaan buku teks atau (Smith dan Barret, 1974). Rata-rata guru yang mengajar Bahasa Melayu khususnya dalam aspek kefahaman membaca meminta pelajar membaca petikan yang dipilih, kemudian mencari makna perkataan yang sukar dan menjawab soalan-soalan mengenai petikan tersebut (Koh Boh Boon, 1981, Azman Wan Chik, 1986). Kebanyakan guru enggan mencuba kaedah yang dianggap baharu dan sentiasa menganggap kaedah pengajaran dan pemelajaran tradisional adalah yang terbaik. Stoll dan Fink (1996) turut menyatakan bahawa cabaran paling getir yang dihadapi guru dalam abad ini ialah kesediaan untuk berubah daripada paradigma pengajaran dan pemelajaran tradisional kepada paradigma baru.

Sehubungan permasalahan di atas, perkaedahan mengajar dilihat berhubung rapat dengan prestasi kefahaman membaca seseorang pelajar. Oleh itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana berkesannya kaedah pengajaran yang mengutamakan gaya pemelajaran pelajar, iaitu Sistem 4MAT dalam mempertingkatkan kefahaman membaca pelajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk melihat kesan penerapan gaya pemelajaran Sistem 4MAT terhadap prestasi pelajar tingkatan tiga sekolah

menengah dalam pemelajaran kefahaman membaca. Berdasarkan pernyataan di atas, objektif kajian ini ialah:

1. Untuk menentukan kesan penerapan gaya pemelajaran Sistem 4MAT terhadap prestasi kefahaman membaca dalam kalangan pelajar tingkatan tiga.
2. Untuk melihat kesan pengajaran kaedah tradisional terhadap prestasi kefahaman membaca dalam kalangan pelajar tingkatan tiga.
3. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan antara prestasi pelajar yang dirangsang dengan kaedah pengajaran menggunakan gaya pemelajaran Sistem 4MAT dengan prestasi pelajar yang diajar dengan kaedah tradisional dalam pemelajaran kefahaman membaca.
4. Untuk melihat sama ada terdapat perbezaan antara prestasi pelajar Melayu yang dirangsang dengan kaedah pengajaran menggunakan Sistem 4MAT dengan prestasi pelajar bukan Melayu yang dirangsang dengan kaedah pengajaran Sistem 4MAT.

## **HIPOTESIS KAJIAN**

Hipotesis kajian yang ditulis dalam bentuk Hipotesis Nol adalah seperti yang berikut:

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dalam kalangan pelajar tingkatan tiga yang diterapkan gaya pemelajaran Sistem 4MAT dengan skor min praujian bagi kumpulan pelajar tingkatan tiga yang diajar menggunakan kaedah tradisional dalam pemelajaran kefahaman membaca.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian dalam kalangan pelajar tingkatan tiga yang diajar dengan menggunakan kaedah tradisional dalam pemelajaran kefahaman membaca.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian dalam kalangan pelajar tingkatan tiga yang diterapkan gaya pemelajaran Sistem 4MAT dalam pemelajaran kefahaman membaca.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pascapelajar tingkatan tiga yang diterapkan gaya pemelajaran Sistem 4MAT dengan skor min ujian pascapelajar tingkatan tiga yang diajar menggunakan kaedah tradisional dalam pemelajaran kefahaman membaca.
5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian

pelajar Melayu dengan skor min pascaujian pelajar bukan Melayu bagi kumpulan yang diterapkan gaya pemelajaran Sistem 4MAT.

6. i. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian dalam mengikut kaum.
- ii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian dalam faktor berdasarkan kaedah pengajaran.
- iii. Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara faktor kaum dengan kaedah pengajaran.

## **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini memberi tumpuan kepada prestasi pelajar tingkatan tiga dalam kefahaman membaca. Penguasaan terhadap aspek bahasa yang lain tidak disentuh. Pendekatan pengajaran yang dipilih untuk dibandingkan dengan kaedah pengajaran tradisional ialah pendekatan gaya pemelajaran Sistem 4MAT. Pendekatan ini dipilih kerana berkait rapat dengan proses mental dan pengalaman pelajar semasa belajar iaitu proses mengamati dan memproses sesuatu maklumat dengan empat gaya belajar yang salah satunya akan menepati gaya pemelajaran setiap pelajar. Pelajar yang dikaji pula ialah pelajar tingkatan tiga sekolah menengah rendah.

## **SOROTAN KAJIAN**

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman membaca. Menurut Dawson (1968), antara faktor tersebut ialah kecerdasan, pengetahuan atau pengalaman, mekanis bacaan, minat dan kemahiran pemelajaran yang lain. Penyelidikan yang dijalankan oleh Anderson dan rakan-rakan (1977) juga telah membuktikan bahawa pengalaman dan pengetahuan sedia ada dalam diri pembaca dapat meningkatkan tahap kefahaman membaca seseorang pelajar. Khadijah Rohani (1987) menyatakan kecerdasan penting kerana kemampuan seseorang murid untuk memahami sesuatu itu bergantung pada keupayaannya belajar dan kebolehannya mengaitkan bahan yang dibacanya dengan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada pada seseorang pelajar.

Cheong Kong (1988) telah menjalankan kajian ke atas 167 orang pelajar tingkatan empat untuk melihat faktor yang mempengaruhi penguasaan kefahaman bacaan. Berdasarkan dapatan kajian, sikap adalah salah satu aspek yang mempunyai hubungan signifikan dengan penguasaan kefahaman bacaan dalam kalangan pelajar. Boon Sue Ling (1988) turut membuat kajian

untuk melihat faktor yang berhubung dengan penguasaan kefahaman membaca. Beliau mendapati di samping faktor penyediaan bahan dan keluarga, faktor minat, sikap dan motivasi juga ternyata mempengaruhi penguasaan kefahaman bacaan para pelajar. Oleh sebab faktor sikap, pengalaman dan pengetahuan sedia ada berkait rapat dengan gaya pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, guru Bahasa Melayu perlu memberi perhatian sewajarnya terhadap aspek ini.

Kajian terhadap gaya pembelajaran pula telah diterokai lebih 25 tahun yang lampau (Kay, 1986). Sejak itu, pelbagai penyelidikan, makalah dan rencana mengenai gaya pembelajaran diutarakan. Gaya pembelajaran merujuk kepada cara individu bertindak balas terhadap dunia di sekitarnya (Dunn, 1981). Pelajar mula membentuk gaya pembelajaran pada peringkat awal kanak-kanak lagi. Ada individu yang belajar dengan lebih baik sekiranya berada dalam keadaan yang tertekan manakala ada yang akan berputus asa dalam keadaan tersebut. Sebaliknya ada pula yang belajar dengan berkesan dalam keadaan yang tenang. Seterusnya, ada pelajar yang gemar belajar dalam kumpulan manakala ada yang belajar lebih berkesan secara berseorangan.

Kajian Dunn (1979), Claxton dan Murrell (1989) mendapati gaya pembelajaran merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi perkembangan kognitif dan prestasi pembelajaran seseorang pelajar. Dapatan kajian Hunt (1981) pula menyatakan bahawa gaya pembelajaran merupakan syarat pendidikan yang memungkinkan pembelajaran yang paling berkesan. Seseengah murid dapat belajar secara lebih berkesan dalam keadaan yang formal serta kurang berstruktur. Semakin formal dan semakin berstruktur keadaan pembelajaran, semakin teganglah suasana pembelajaran. Sebilangan individu tidak dapat belajar dengan berkesan dalam keadaan begitu.

Sistem 4MAT ialah suatu model pengajaran yang diperkenalkan oleh McCarthy pada tahun 1980. Sistem ini bermula pada tahun 1979 apabila McCarthy mengetuai beberapa penyelidikan tentang gaya pembelajaran dan fungsi otak lantas mencipta model berdasarkan dapatan penyelidikan dalam banyak bidang seperti gaya pembelajaran, pengaruh otak kiri dan otak kanan, kreativiti, pengurusan, seni dan gerakan/tarian (Guild dan Garger, 1985).

Violand (1995), semasa membuat kajian terhadap pelajar bermasalah di Arlington Public School menyatakan beliau memilih model gaya pembelajaran Sistem 4MAT kerana kesesuaian, keberkesanan dan kecemerlangan suasana bilik darjah yang dikendalikannya berdasarkan gaya pembelajaran tersebut. Beliau juga percaya bahawa Sistem 4MAT boleh diterapkan dalam mana-mana sistem persekolahan. Lacey, Veronica, S. dan Kelly, C. (1986) telah menjalankan kajian terhadap pandangan pengetua dan guru di tiga

buah sekolah di Ontario tentang perubahan kurikulum dan kesesuaian kurikulum Sistem 4MAT apabila sistem ini dilaksanakan di sekolah. Hasil kajian mendapati para pengetua dan guru berpendapat Sistem 4MAT dapat menggalakkan guru menjalankan tanggungjawab secara kolektif yang menyebabkan tugas guru menjadi lebih mudah dan licin. Kurikulum pengajaran dan pembelajaran juga dapat ditulis dalam bentuk yang lebih sistematik berasaskan prinsip Sistem 4MAT di samping konsep sendiri dan kadar kehadiran pelajar dijangka meningkat.

Kajian terhadap keberkesanan penerapan gaya pembelajaran Sistem 4MAT daripada aspek pencapaian dan sikap turut dilaksanakan oleh Jane (1991) bagi kelas asas muzik di sebuah sekolah di Portland Oregon. Pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan kepada lapan langkah model pengajaran dan pembelajaran Sistem 4MAT, menggunakan dua kumpulan, iaitu kawalan dan eksperimen. Kumpulan kawalan diajar menggunakan pendekatan buku teks sementara kumpulan eksperimen diterapkan dengan gaya pembelajaran Sistem 4MAT.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan yang diterapkan dengan gaya pembelajaran Sistem 4MAT memperolehi pencapaian yang lebih baik berbanding kumpulan kawalan. Bagaimanapun tidak terdapat perbezaan sikap yang nyata antara kedua-dua kumpulan. Keputusan yang sama juga diperoleh oleh Bowers dan Shane (1987) apabila mengkaji keberkesanan gaya pembelajaran Sistem 4MAT terhadap pencapaian dan sikap pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran sains di tiga buah sekolah di Chapel Hill-Carrboro, North Carolina. Kajian Stephen (1994) terhadap pelajar bermasalah pembelajaran pula mendapati penerapan gaya pembelajaran Sistem 4MAT memberikan kesan positif terhadap 10 daripada 14 pelajar yang mengikuti gaya pembelajaran tersebut.


Model Sistem 4MAT ini turut berpandukan kepada penyelidikan David Kolb (1976) yang mengkaji proses pembelajaran dan kepelbagaian gaya pembelajaran. David Kolb (1976) mendapati bahawa terdapat dua cara utama bagaimana seseorang itu belajar, iaitu cara mengamati dan cara memproses sesuatu maklumat dan pengalaman seperti dalam Rajah 1.

Menurut McCarthy (1979), Sistem 4MAT merupakan gaya pembelajaran yang bergantung kepada kombinasi cara mengamati konkrit – abstrak dan cara memproses yang menghasilkan empat jenis gaya pembelajaran.

Aktiviti yang dipercayai diproses terutamanya di otak kanan adalah seperti membuat pola atau corak, memeta fikiran, sumbangsaran atau percambahan fikiran, menggambarkan, semua bentuk sajak, semua bentuk seni mendengar, melihat, menggerak, analogi, mencipta, mereka bentuk, main peranan simulasi,

drama kreatif, lakonan, penulisan kreatif, gerakan tarian, membaca serta membuat sintesis atau rumusan, segala bentuk sintesis, geometri, demonstrasi, membuat uji kaji, bentuk, semua aktiviti intuitif, ukiran, lakaran, memberi sifat-sifat persamaan, melihat perhubungan dan keseluruhan, menilai secara subjektif, melukis, fotografi, mendengar bunyi semula jadi (binatang, air terjun dan lain-lain), bermain muzik, dan mencipta lagu.

Berdasarkan kajian di atas dapat dilihat Sistem 4MAT ialah satu model mengajar yang memberi perhatian kepada pelajar yang berbeza. Sistem 4MAT menentukan guru mengajar dengan berdasarkan keempat-empat gaya pembelajaran pelajar dan menggunakan aktiviti yang boleh mengembangkan otak kiri dan otak kanan seseorang pelajar. Dengan Sistem 4MAT, McCarthy



R-Otak Kanan  
L-Otak Kiri

Rajah 1 Model Sistem 4MAT yang Lengkap.

(Sumber: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991)



(1980) percaya pelajar yang berbeza itu akan mendapat pendidikan yang sempurna. Para pendidik khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu perlu mengutamakan dan menyedari serta menghargai beberapa aspek dalam pengajaran dan pembelajaran mereka seperti:

- i. pelbagai jenis kecerdasan yang ada pada setiap pelajar.
- ii. pelbagai jenis gaya pembelajaran.
- iii. pelbagai aktiviti yang mengembangkan otak kiri dan otak kanan.
- iv. pelbagai kaedah mengajar yang sesuai untuk sesuatu gaya pembelajaran.

### REKA BENTUK KAJIAN

Kajian berbentuk eksperimental ini menggunakan model reka bentuk Kumpulan Kawalan Praujian-Pascaujian


**Jadual 1** Reka Bentuk Kumpulan Rawak Praujian - Pascaujian.  
(Sumber: Mohd. Majid Konting, 1993)

Pemilihan subjek	Kumpulan	Praujian	Pemboleh ubah	Pascaujian
			Tak bersandar	
R	E	C1	0	C2
R	K	C1	-	C2

1. Simbol 0 mewakili olaha pemboleh ubah tak bersandar iaitu kaedah pengajaran menggunakan Sistem 4MAT.
2. Simbol C1 mewakili cerapan terhadap pemboleh ubah berdasarkan iaitu praujian.
- 3 Simbol C2 mewakili cerapan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pascaujian.
4. Simbol R mewakili pemilihan subjek secara rawak.
5. Simpah E mewakili kumpulan eksperimen.
6. Simbol K mewakili kumpulan kawalan.

**MODEL PENGAJARAN KEFAHAMAN MEMBACA BERASASKAN SISTEM 4MAT**

Langkah pengajaran kefahaman membaca berdasarkan model pengajaran dan pemelajaran Sistem 4MAT oleh McCarthy (1980) adalah seperti yang berikut:



Rajah 2 Langkah Pengajaran Berasaskan Model Pemelajaran Sistem 4MAT.

**Model Pengajaran Kefahaman Membaca Berasaskan Kaedah Tradisional**

Satu lagi perlakuan yang akan digunakan ialah kaedah pengajaran tradisional. Dalam kajian ini, ia berfungsi sebagai bahan 'kawalan' kepada kaedah mengajar menggunakan gaya pemelajaran Sistem 4MAT. Model pengajaran kaedah ini adalah seperti yang berikut:



**Rajah 3** Model Pengajaran Tradisional.

## **DAPATAN KAJIAN**

Jadual 2 menunjukkan keputusan keseluruhan skor min dan sisihan lazim bagi praujian dan pascaujian mengikut kumpulan perlakuan dan kaum.

**Jadual 2** Min dan Sisihan Piawai (SD) Pelajar Melayu dan Bukan Melayu Bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen.

Perlakuan		Sistem 4MAT		Tradisional	
		Praujian	Pascaujian	Praujian	Pascaujian
Melayu	Min	57.791	66.533	57.733	58.687
Melayu	SD	6.209	6.332	5.375	4.974
Bukan Melayu	Min	56.209	66.800	57.835	58.800
Bukan Melayu	SD	6.032	5.797	5.646	5.646
Jumlah	Min	57.00	66.667	57.784	58.467
	SD	6.121	5.564	5.511	5.310

Selaras dengan objektif kajian ini bagi melihat kesan penerapan gaya pembelajaran Sistem 4MAT terhadap pembelajaran kefahaman membaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah rendah, sebanyak enam hipotesis kajian telah dibentuk. Ujian-*t* digunakan bagi menguji hipotesis pertama hingga kelima manakala Analisis Varian Dua-Hala digunakan untuk menguji hipotesis keenam.

Hasil pengujian hipotesis pertama bagi melihat perbezaan pencapaian praujian antara kumpulan pelajar yang diterap gaya pembelajaran Sistem 4MAT dengan kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah tradisional mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian kedua-dua kumpulan. Dapatan kajian ini menunjukkan pencapaian pelajar dalam kefahaman membaca pada peringkat awal kajian bagi kedua-dua kumpulan adalah pada tahap yang sama iaitu kedua-dua kumpulan adalah seimbang prestasi awalnya. Walaupun, pascaujian yang diberikan tidak sama dengan praujian, tetapi nilai kebolehbacaannya sama. Pengaruh perbezaan guru juga dapat dielakkan kerana pengkaji sendiri yang mengajar di kedua-dua kumpulan pelajar. Justeru itu, sebarang perbezaan dalam skor min pascaujian jika ada selepas perlakuan diberikan dapat dikaitkan dengan keberkesanan perlakuan tersebut. Pelajar kumpulan kawalan kemudiannya diajar dengan menggunakan kaedah tradisional iaitu kaedah biasa yang digunakan oleh guru dalam pengajaran kefahaman bacaan.

Hasil pengujian hipotesis kedua bagi melihat perbezaan pencapaian pelajar

dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian dalam kalangan pelajar yang diajar dengan kaedah tradisional. Kajian ini mendapati skor min praujian ialah 57.733 dan skor min pascaujian ialah 58.467. Walaupun terdapat peningkatan skor min namun peningkatannya terlalu kecil dan tidak signifikan dari segi statistik. Berdasarkan dapatan ini dapat dirumuskan bahawa kaedah pengajaran secara tradisional tidak dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam kefahaman bacaan secara signifikan.

Hasil pengujian hipotesis ketiga bagi melihat perbezaan pencapaian pelajar dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan pelajar yang diterap gaya pemelajaran Sistem 4MAT mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian dalam kalangan pelajar yang diterap gaya pemelajaran Sistem 4MAT. Dengan kata lain, tahap pencapaian pascaujian bagi kumpulan pelajar yang diterap gaya pemelajaran Sistem 4MAT adalah berbeza secara signifikan dengan tahap pencapaian praujian. Skor min pascaujian adalah lebih tinggi, iaitu 66.667 berbanding skor min praujian, iaitu 57.000. Kemungkinan kesan 'hawthorne' dapat dielakkan kerana pelajar tidak diberitahu tujuan dan bagaimana penganalisan data kajian dijalankan.

Ini menunjukkan bahawa penerapan gaya pemelajaran Sistem 4MAT berkesan dalam usaha meningkatkan kefahaman pelajar dalam bacaan. Keputusan kajian ini selaras dengan hasil kajian Bowers dan Shane (1987) yang mendapati gaya pemelajaran Sistem 4MAT berkesan dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sains tingkatan tiga. Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Jane (1991). Stephen (1994) juga mendapati penerapan gaya pemelajaran Sistem 4MAT memberikan kesan positif terhadap 10 daripada 14 pelajar bermasalah pembelajaran yang menjadi sampel kajian beliau.

Hasil pengujian hipotesis keempat bagi melihat perbezaan pencapaian pelajar dalam pascaujian antara kumpulan pelajar yang diterap gaya pemelajaran Sistem 4MAT dengan kumpulan pelajar yang diajar dengan kaedah tradisional mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan pelajar yang diterap gaya pemelajaran Sistem 4MAT dengan skor min pascaujian kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah tradisional. Ini bererti, tahap pencapaian pascaujian bagi kumpulan pelajar yang diterap gaya pemelajaran Sistem 4MAT dalam pengajaran pembelajaran adalah berbeza secara signifikan dengan tahap pencapaian pascaujian kumpulan pelajar yang diajar dengan kaedah tradisional. Skor min pascaujian bagi kumpulan pelajar yang diajar menggunakan kaedah pengajaran Sistem

4MAT, iaitu 66.667 adalah lebih tinggi daripada skor min pascaujian kumpulan pelajar yang diajar dengan kaedah tradisional iaitu 58.467.

Ini menunjukkan bahawa penerapan gaya pembelajaran Sistem 4MAT dalam pengajaran dan pembelajaran adalah lebih berkesan bagi meningkatkan pencapaian pelajar dalam kefahaman bacaan berbanding dengan pengajaran menggunakan kaedah tradisional. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan kajian Jane (1991) yang mendapati kumpulan yang diterap dengan gaya pembelajaran Sistem 4MAT memperoleh pencapaian yang lebih baik berbanding dengan kumpulan kawalan.

Hasil pengujian hipotesis kelima bagi melihat perbezaan pencapaian pelajar mengikut kaum (Melayu dan bukan Melayu) dalam pascaujian bagi kumpulan pelajar yang diterap gaya pembelajaran Sistem 4MAT mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian pelajar Melayu dengan skor min pascaujian pelajar bukan Melayu bagi kumpulan yang diterap gaya pembelajaran Sistem 4MAT. Ini menunjukkan tahap pencapaian pascaujian bagi kumpulan pelajar Melayu dengan bukan Melayu yang diterap gaya pembelajaran Sistem 4MAT dalam pengajaran pembelajaran adalah sama. Justeru, gaya pembelajaran Sistem 4MAT sesuai untuk pelajar berbilang kaum dalam pembelajaran kefahaman membaca.

Hasil pengujian hipotesis keenam menggunakan Analisis Varian Dua-Hala bagi melihat kesan faktor kaum dan kaedah pengajaran serta kesan interaksi faktor kaum dan kaedah ini juga menunjukkan dapatan yang sama. Analisis Varian Dua-Hala mendapati (i) tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian mengikut faktor kaum; (ii) terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian mengikut kaedah pengajaran dan; (iii) tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara faktor kaum dengan kaedah pengajaran.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa kaedah penerapan gaya pembelajaran Sistem 4MAT dalam pembelajaran memberi kesan yang sama kepada pelajar Melayu dan bukan Melayu dalam usaha meningkatkan kefahaman pelajar dalam bacaan. Dapatan kajian ini selaras dengan pandangan Violand (1995) yang menyatakan bahawa Sistem 4MAT boleh diterapkan dan berkesan dalam mana-mana keadaan atau sistem persekolahan tanpa mengira kaum atau keturunan pelajar.

## KESIMPULAN

Penerapan gaya pembelajaran Sistem 4MAT dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan dalam usaha meningkatkan pencapaian kefahaman bacaan

bahasa Melayu bagi pelajar tingkatan tiga. Penerapan gaya pembelajaran Sistem 4MAT dalam pengajaran pembelajaran berkesan dalam usaha meningkatkan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Melayu bagi pelajar Melayu dan bukan Melayu. Penerapan gaya pembelajaran Sistem 4MAT dalam pengajaran dan pembelajaran adalah lebih berkesan daripada pengajaran menggunakan kaedah tradisional dalam usaha meningkatkan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Melayu bagi pelajar tingkatan tiga.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penerapan gaya pembelajaran Sistem 4MAT dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan kesan yang positif dan sangat berkesan dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar khususnya dalam kefahaman bacaan berbanding dengan kaedah tradisional. Para pendidik khususnya guru Bahasa Melayu yang masih mengamalkan kaedah pengajaran tradisional sewajarnya menimbang dan memilih semula kaedah pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah supaya pelajar berpeluang memperkembangkan potensi mereka semaksimum mungkin terutama dalam pembelajaran kefahaman membaca yang menjadi kunci kejayaan kepada mata pelajaran lain.

## RUJUKAN

- Anderson, J., dan Rahman, F., 1972. *A Feasibility Study Of the Device for Reading Comprehension in the Malay Language* (Research and Statistics Unit) Singapore: University Of Education.
- Azman Wan Chik, 1986. *Pengujian Bahasa: Kes Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bennet, C. I., 1990. *Comprehensive Multicultural Education Theory and Practice*, London: Alyn & Bacon.
- Bowers, Patricia Shane, 1987. "The Effect of the 4MAT System on Achievement and Attitudes in Science". Disertasi Ph.D. Tesis, University of North Carolina.
- Boon Siew Ling, 1988. *Faktor-faktor yang Berhubung dengan Kemahiran Membaca di Kalangan Murid Sekolah Rendah. Satu Kajian Kes*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cheong Kong, 1988. "Pengajian dan Pembelajaran Kefahaman di Kalangan Pelajar Tingkatan 4. Satu Kajian Kes". Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Claxton, C. S., dan Murrel, P. H., 1989. *Learning Styles-Implications for Improving Educations Practices*, New York: John Wiley & Son.
- Dawson, M. A., 1968. *Developing Comprehension Including Critical Reading*, Newark: International Reading Assosiation.
- Dechant, Emerald, V., 1977. *Improving The Teaching of Reading*, Eaglewood Cliffs,

- New Jersey: Prentice-Hall.
- Dunn, R. S., 1981. *How To Implement And Supervise a Learning Styles Program*, Alexandria: ASCD.
- Dunn, R.S., 1979. *Practical Approach to Individualizing Instruction: Contact and other affective reading categories*, in Poole and Joyal (ed.), *The Unit Leader and Individually Guided Educator of Reading*, Massachusettes: Adison-Wesley.
- Francis, P. Robinson, 1970. *Survey Q3R method of Studying (in) Effective Study*, New York: Harper & Row.
- Hunt, F. J., 1990. *The Social Dynamics of Schooling*, London: The Falmer Press.
- Khadijah Rohani Mohd. Yunus, 1987. "Strategi Membaca dan Berfikir dalam Kefahaman Bacaan", Kertas Kerja Seminar dalam Teknik-teknik Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah Singapura, Singapura: Kementerian Pelajaran Singapura.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988. *Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia, Sekolah Menengah*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Koh Boh Boon, 1981. *Pengajaran Bahasa Malaysia, Kuala Lumpur*: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Kolb, David, 1983. *Experience Learning: Experience as the Source of learning and Development*, England Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Marohaini Yusuf, 1989. *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*, Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- McCarthy, Bernice, 1981. *The 4MAT System: Teaching to Learning Styles with Right/Left Mode Techniques*. Barrington, Illinois: Excel, Inc.
- McCarthy, Bernice, 1980. "What 4MAT Training Teaches Us About Staf Development" *Educational Leadership*, April 1985.
- Mohd. Majid Konting, 1993. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raminah Sabran dan Rahim Sham, 1987. *Pengajaran Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Stephen, S.D., 1994. 'A Study of the Effects of Cross-Age Tutoring Versus Learning Styles Instruction in a Heterogeneous Classroom of Higher Risk Students', disertasi Ph.D. The University of Vermont.
- Stool, Louisa dan Dean Fink, 1996. *Changing Our Schools*, Buckingham Philadelphia: Open University Press.
- Violand, E. S., 1995. *Cognitive and Learning Styles of High School Students: Implication for ESL Curruculum Development*, in *Learning Styles In ESL/EFL Classroom*, Joy M.Reid (ed.), University of Wyoming: Heinle & Heinle Publishers.
- Za'ba, 1965. *Pelita Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



